A Singapore Government Agency Website. Beware of government impersonation scams. How to identify



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.



# Pertubohan wanita adakan kelas tarian untok ahli

Berita Harian, 4 October 1962, Page 7



# Pertubohan wanita adakan kelas tarian untok ahli

KAJANG

PERKUMPULAN Perempuan Sungai Merab Kajang akan mengadakan kelas tarian asli untok menggalakkan ahli2-nya supaya lebeh chederong mempelajari kebudayaan Melayu sendiri.

Kenyataan ini telah di-buat oleh Setiausaha Perkumpulan Perempuan di-sini, Che' gu Maimunah binti Yunos dalam satu majlis jamuan teh yang di-adakan kerana menyambut hari ulang tahun pertama perkumpulan ini pada hari Sabtu yang lalu.

Che' gu Maimunah menerangkan bahawa Perkumpulan Perempuan Sungai Merab ini mula2 di-tubohkan pada bulan September tahun lalu.

Sa-telah berjalan sa-lama tiga bulan ia telah mendapat sambutan hangat dari kaum ibu di-sini dan sekarang ahli telah bertambah menjadi 85 orang.

jadi 85 orang.

Che' gu Maimunah juga menerangkan bahawa se-menjak perkumpulan ini di-tubohkan perkumpulan ini telah dapat mengadakan kelas masak memasak dan urusan rumah tangga yang di-adakan sa-minggu sa-kali.

Satu lagi kejayaan yang telah di-chapai oleh per-kumpulan ini, ia-lah meng-antar sa-ramai dua orang ahli-nya berkursus di-Taman Asohan RIDA di-Kuala Lumpur sa-lama tiga bulan.

Baharu2 ini Che' gu Jami-lah binti Ahmad sa-orang ahli perkumpulan ini telah berjaya memenangi hadiah yang pertama dalam pera-duan mengarang sajak yang di-anjorkan oleh Per-kumpulan Perempuan Per-sekutuan Tanah Melayu.

NLB

Contact Us Feedback FAQ

Report Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31